

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 (a) DAN (b) MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 6 secara berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mesti ringkas tetapi padat dan tepat. Tulisan anda hendaklah mudah difahami dan penggunaan Bahasa Melayu Tinggi diutamakan.

1. Susur galur dan huraikan:

(a) Perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa di dalam rumpun Austronesia.

(15 markah)

(b) Salasilah bahasa Melayu moden daripada bahasa Melayu purba berdasarkan skema lurus dan skema bercabang.

(25 markah)

2. Salah satu teori tentang asal usul orang Melayu menyatakan bahawa orang Melayu berasal dari Asia Tengah.

(a) Bagaimanakah teori ini dapat dikaitkan dengan arah pergerakan dan bukti-bukti tertentu.

(10 markah)

(b) Mengapa pula kebanyakan orang Melayu moden mendakwa bahawa asal usul mereka ialah dari Sumatera, bukan dari Asia Tengah. Bincangkan.

(10 markah)

3. Soalan 3 (i) dan (ii) berdasarkan sebahagian daripada transkripsi Batu Bersurat Kedukan Bukit yang diberikan di bawah:

- (a) Svasti cri
- (b) cakavarsatita 605 ekadaci
- (c) cuklapaksa vulan vaicakha
- (d) hyang daputa nayik di samvau mengalap siddhayatra
- (e) di saptami cuklapaksa
- (f) vulan jyestha dapunta hyang mangalap dari minanga tamvar (kamvar)
- (g) mamava yang vala dua laksa
- (h) ko dua ratus cara di samvau
- (i) dangan jalan sarivu tlu ratus sapulu dua vanakna
- (j) datang di matada nau sukhacitta

i. Terjemahkan secara bebas teks Batu Bersurat Kedukan Bukit yang diberikan di atas. (10 markah)

ii. Terdapat beberapa kesepadanan dari segi fonem, morfem, leksikal dan juga semantik di antara kata-kata tertentu di dalam teks Batu Bersurat ini dengan bahasa Melayu moden. Berdasarkan kesepadanan ini dan juga pengetahuan anda tentang bahasa Melayu kuno yang terdapat pada prasasti-prasasti lain, nyatakan dan huraikan di antara ciri-ciri bahasa Melayu kuno yang dimaksudkan itu. (10 markah)

4. Bincangkan faktor-faktor yang membantu perkembangan bahasa Melayu pada zaman klasik yang bermula dari zaman pra-Sriwijaya hingga ke zaman Abdullah Munshi. (20 markah)

5. Badan-badan, gabungan-gabungan, pakatan-pakatan dan angkatan-angkatan tertentu memainkan peranan penting di dalam perkembangan bahasa Melayu, khususnya sebelum merdeka. Cuba nyatakan serta bincangkan sumbangan mana dua [2] badan, gabungan, pakatan atau angkatan yang anda tahu. (20 markah)

6. Perkembangan bahasa Melayu moden biasanya dikaitkan dengan perancangan bahasa. Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan bahasa Melayu yang dilakukan secara terancang itu. Kaitkan jawapan anda dengan model-model perancangan bahasa tertentu yang anda rasa digunakan di dalam perancangan langsung ini. (20 markah)